

Anwar bidas Najib putar belit kenyataan
Free Malaysia Today
16 April 2014
By Ikhwan Zulkaflee

Najib membuat kenyataan tanpa merujuk kenyataan Anwar yang sebenar

PETALING JAYA: Ketua Umum PKR Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini mengkritik tindakan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak yang memutarbelitkan kenyataan beliau kepada media antarabangsa mengenai isu MH370.

Menurut Anwar, Najib mempertikaikan kenyataannya yang hanya akan mengambil masa sesaat untuk menyelesaikan isu MH370 sekiranya beliau menjadi perdana menteri.

“Bernama membuat terjemahan yang salah dalam laporan akhbar China Southern Weekly. Apa yang saya katakan adalah saya akan mengambil masa satu saat untuk mengambil tindakan untuk menjamin keselamatan rakyat dan bukannya menyelesaikannya (kehilangan MH370).

“Kerajaan Barisan Nasional (BN) telah mereka satu kenyataan dan menyerang saya dengan tidak merujuk kepada kenyataan sebenar,” kata Anwar dalam satu sidang media di Ibu Pejabat PKR hari ini.

Beliau turut membidas tindakan Najib dan Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Hussein yang sehingga kini tidak menjawab persoalan pokok berhubung kehilangan pesawat MH370.

“Kalau tidak dapat dikesan dan sekarang Menteri Pertahanan nak beli yang baru, apa masalah dengan Macroni Radar? Dengan beli peralatan baru masalah semua akan selesai?”

“Kalau ikut SOP, kalau kita dapat kesan melalui peralatan yang canggih itu, isyarat lampu merah akan berkelip dan dalam tempoh tiga minit dimaklumkan ke ruang TUDM berdekatan, kapal tentera akan berlepas untuk iring keluar pesawat keluar dari ruang udara. Ini tidak berlaku.

“Pimpinan Umno-BN terlalu sibuk dengan projek dan komisyen kekayaan mereka sehingga mereka lupa keselamatan negara terancam kerana kecuiaan,” tegas Anwar.

Anwar turut mengaskan bahawa alasan bahawa MH370 merupakan pesawat komersil yang disifatkan tidak berbahaya tidak boleh digunakan kerana setiap pesawat yang memasuki ruang udara negara tanpa izin perlu diiring keluar.

“Masa kejadian 11 September yang berlaku dahulu pun menggunakan pesawat komersil,” katanya lagi.

Copyright © 2013 – Free Malaysia Today

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2014/04/16/anwar-bidas-najib-putar-belit-kenyataan/>